



Inflasi Malaysia mereda kepada 1.9 peratus

130.8 mata indeks dicatat pada September berbanding 128.3 bulan sama tahun lalu

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Inflasi Malaysia terus mereda kepada 1.9 peratus pada September 2023, berbanding 2 peratus pada bulan sebelumnya dengan mata indeks mencatatkan 130.8 berbanding 128.3 pada bulan yang sama tahun sebelumnya, demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata peningkatan inflasi yang amat sederhana itu didorong kenaikan lebih rendah bagi kumpulan restoran dan hotel (4.4

peratus) serta makanan dan minuman bukan alkohol (3.9 peratus).

Selain itu, katanya, peningkatan sederhana itu disumbangkan kenaikan kumpulan pelbagai barang dan perkhidmatan (2.5 peratus); kesihatan (2.2 peratus); pendidikan (2.0 peratus); perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain (1.6 peratus) serta hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah (1.5 peratus).

"Minuman alkohol dan tembakkau serta perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan masing-masing meningkat 0.7 peratus dan 0.6 peratus," katanya dalam satu kenyataaan.

Mohd Uzir berkata, kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol yang menyumbang 29.5 peratus daripada keseluruhan wajaran Indeks Harga Pengguna (IHP) telah merekodkan peningkatan sederhana iaitu 3.9 peratus berbanding 4.1 peratus pada Ogos 2023.

Beliau berkata, komponen makanan di rumah merekodkan peningkatan 2.5 peratus berbanding 2.9 peratus direkodkan bulan sebelumnya.

Katanya, kenaikan komponen makanan di rumah didorong terutama subkumpulan beras, roti dan bijirin lain (4.1 peratus), diikuti subkumpulan daging dan susu, keju dan telur masing-masing meningkat 3.4 peratus.

"Sementara itu, bagi komponen makanan di luar rumah kedua pada 5.9 peratus, kadar sama direkodkan Ogos 2023," katanya.

Subkumpulan beras, roti dan bijirin lain meningkat 4.1 peratus pada September 2023 berbanding 4 peratus pada Ogos 2023 disumbangkan kenaikan kelas perbelanjaan beras sebanyak 5 peratus berbanding 3 peratus bulan sebelumnya.

Produk beras import dan beras wangi import masing-masing meningkat 9.5 peratus dan 6.1 peratus berbanding 3.6 peratus dan 2.0 peratus pada Ogos 2023.

Subkumpulan daging meningkat lebih perlahan kepada 3.4 peratus pada September 2023 dengan ayam yang adalah komponen terbesar dalam subkumpulan daging mencatatkan kenaikan 0.9 peratus berbanding 5.7 peratus pada bulan sebelumnya.

Inflasi restoran dan hotel meningkat perlahan kepada 4.4 peratus pada September 2023 berbanding 4.7 peratus pada Ogos 2023, sematau inflasi pengangkutan merekodkan kadar negatif 0.1 peratus pada September 2023.

10 negeri rekod peningkatan

Pada peringkat negeri pula, 10 negeri merekodkan peningkatan di bawah paras nasional 1.9 peratus.

Bagaimanapun, enam negeri merekodkan peningkatan melebihi paras inflasi nasional iaitu Sarawak (2.7 peratus), Putrajaya (2.6 peratus), Perak (2.3 peratus), Perlis (2.2 peratus), Selangor (2.1 peratus) dan Pahang (2.0 peratus).

Bagi perbandingan dengan negara-negara terpilih, inflasi di Malaysia (1.9 peratus) adalah lebih rendah berbanding Filipina (6.1 peratus), Zon Euro (4.3 peratus), Republik Korea (3.7 peratus), Vietnam (3.7 peratus), Amerika Syarikat (3.7 peratus) dan Indonesia (2.3 peratus).

Namun, kadar yang dicatatkan Malaysia lebih tinggi berbanding Thailand (0.3 peratus) dan China (sifar peratus).

Peningkatan inflasi yang amat sederhana itu didorong kenaikan lebih rendah bagi kumpulan restoran dan hotel (4.4 peratus) serta makanan dan minuman bukan alkohol (3.9 peratus)

Mohd Uzir Mahidin,
Ketua
Perangkawan
Malaysia

